

# Unisza rancang tingkat keupayaan pelajar



Sebahagian pelajar Unisza yang hadir ke majlis berkenaan.

**GONG BADAK** – Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza) akan berusaha untuk menambahbaikkan kursus sedia ada yang baru diperkenalkan dalam usaha meningkatkan lagi keboleh pasaran pelajar sebaik tamat pengajian kelak.

Naib Canselornya, Profesor Yahya Ibrahim berkata, langkah itu sejajar dengan usaha untuk menjadikan Unisza seberis dengan institut pengajian tinggi awam (IPTA) terkemuka negara yang lain.

"Seperti yang sedia maklum, kita sedang dalam proses menambah baik kursus sedia ada, di samping meningkatkan kursus yang baru diperkenalkan agar semua graduan kita mam-

pu memperoleh pekerjaan setimpal kelulusan.

"Malah, kita juga merancang pelbagai aktiviti tambahan untuk meningkatkan lagi keupayaan pelajar dan pensyarah kita, sejajar dengan kedudukan kita (Unisza) selaku universiti komprehensif berfokus tinggi," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam Majlis Pelancaran 1M4U Outreach Centre dan Penyampaian Bauncer Buku 1 Malaysia di Unisza Kampus Gong Badak, di sini.

Sementara itu, Yahya dalam majlis yang sama turut mengingatkan pelajar agar memanfaatkan sepenuhnya bantuan baucar buku berkenaan untuk membeli bahan rujukan terbaik untuk kursus masing-masing.